



**IBU PEJABAT**  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
No.2, Lebuh Wawasan  
Presint 7  
62250 PUTRAJAYA



Tel : 03-8870 0000  
Faks : 03-8870 0901  
<http://www.sprm.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld.10 (29)

Tarikh : 22 April 2021

**Pengarah**  
**Jabatan Hutan Sarawak**  
Aras 15, Sayap Kiri  
Bangunan Baitul Makmur II  
Medan Raya, Petra Jaya  
93050 Kuching  
Sarawak

YBhg. Datu,

**PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO AGENSI TAHUN 2020 -  
Jabatan Hutan Sarawak**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datu sedia maklum, **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (P. P. Bil. 6 Tahun 2013)** memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan agar semua agensi awam menubuahkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam dan melaksanakan enam fungsi teras yang dinyatakan dalam pekeliling tersebut.


3. Selaras dengan para 6 pekeliling tersebut, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah melaksanakan **Penarafan Semula Risiko Rasuah bagi Tahun 2020** dan dapatkan bahagian ini menunjukkan agensi YBhg. Datu berada dalam kategori risiko **tinggi**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datu adalah dinasihatkan agar memastikan penubuhan dan pelaksanaan UI selaras dengan kehendak **P.P. Bil. 6 Tahun 2013** dan **Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam** ([https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75&articleid=1105](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=1105)). Justeru itu, agensi hendaklah mempergiatkan usaha-usaha pembudayaan dan penginstitusian integriti dalam agensi demi meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

**"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"**



CERTIFIED TO MS ISO/IEC 27001:2013  
CERT NO: AR 6015



5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datu boleh menghubungi BPIA seperti berikut:

**Pengarah**  
**Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA),**  
**Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**  
**Aras 12, Blok A, No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,**  
**62250 Putrajaya.**  
**E-mel/ No. tel: t1@sprm.gov.my / 03-88700043**


6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datu berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**( DATO' SRI SHAMSHUN BAHRIN BIN MOHD JAMIL )**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)  
b.p Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia